

## **Ringkasan Gabungan Cadangan Penambahbaikan Parlimen (GCPP) Bagi Reformasi Parlimen**

### **Latar Belakang**

1. Sepanjang tahun 2014, satu jawatankuasa bertindak daripada organisasi-organisasi masyarakat civil, para pemikir dan Majlis Peguam telah menghasilkan satu cadangan untuk demokratisasi Parlimen bagi memastikan ianya dapat memainkan kedua-dua peranan sebagai badan legislatif dan menyemak kuasa eksekutif. Cadangan ini dibentuk melalui konsultasi bersama Ahli-ahli Parlimen daripada kedua-dua parti-parti pemerintah mahupun parti-parti pembangkang, para penyelidik Parlimen dan NGO-NGO, serta penyelidikan mengenai pengamalan terbaik antarabangsa.
2. Pada bulan Mac 2015, kertas cadangan tersebut telah dilancarkan oleh Dato' Saifuddin Abdullah, yang ketika itu merupakan Ketua Pegawai Eksekutif bagi Global Movement of Moderates (GMM). Kertas cadangan reformasi tersebut telah dihantar kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu, Dato' Sri Azalina Othman Said, dan juga Yang Di Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia.
3. Selain 10 NGO yang terlibat dalam Jawatankuasa Bertindak, GMM dan Majlis Peguam, kertas cadangan tersebut juga telah disokong oleh 66 organisasi masyarakat civil.
4. Pada tahun 2017, berikutan desakan baru untuk reformasi oleh Yang Di Pertua Dewan Rakyat, GCPP telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan Yang Di Pertua Pandikar dan Setiausaha Dewan Rakyat, Roosme Hamzah. Walaupun perjumpaan-perjumpaan tersebut tidak membawa hasil, kami difahamkan bahawa Pandikar telah mengemukakan cadangan mengenai Reformasi Parlimen kepada Kabinet dan sedang menunggu pelaksanaan.

### **Ringkasan Cadangan Reformasi GCPP**

**1. Memperkenalkan Semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 :** Akta ini memperuntukkan “Perkhidmatan Parlimen”, diasingkan daripada perkhidmatan civil, dilantik oleh Presiden Dewan Negara dan Yang Di Pertua Dewan Rakyat atas cadangan jawatankuasa pemilihan. Akta ini dimansuhkan pada tahun 1992 dan Parlimen kini dikendalikan oleh penjawat awam di bawah Eksekutif.

**2. Menubuhkan Jawatankuasa Parlimen:** Jawatankuasa Akaun Awam kini merupakan satu-satunya Jawatankuasa Tetap yang ditugaskan untuk mengawasi Eksekutif. Ianya terlalu dibebani dan jangkauannya terhad. Tiada jawatankuasa yang ditugaskan secara berkala untuk menyemak cadangan, rang undang-undang, usul atau petisyen pra-perundangan.

- a) Jawatankuasa Tetap harus dibentuk untuk mengawasi kerja setiap kementerian.
- b) Jawatankuasa Hal Ehwal Dewan Rakyat dan Dewan Negara harus dibentuk, mengikut model New Zealand, untuk memilih ahli jawatankuasa-jawatankuasa.

- c) Perundangan hendaklah dirujuk kepada jawatankuasa yang sesuai selepas pembacaan kali kedua.
- d) Pendengaran Jawatankuasa harus terbuka kepada orang ramai, dengan pengecualian untuk isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan negara.

**3. Memperbaharui Penetapan Agenda dalam Dewan Rakyat :** Perintah Tetap 15 (1) dan 15 (2) memperincikan bagaimana agenda Parlimen kini ditetapkan. Ianya tidak memberi masa untuk urusan awam, bil ahli persendirian atau urusan Pembangkang. Tidak ada pengiktirafan rasmi Kabinet Bayangan.

- a) Jawatankuasa Hal Ehwal Dewan hendaklah menentukan atur acara urusan di dalam Dewan dan peruntukan masa yang diberikan.
- b) Pengiktirafan Kabinet Bayangan.
- c) Masa yang akan diperuntukkan untuk Soalan kepada Perdana Menteri (bukan hanya Soalan kepada Menteri, seperti diperkenalkan pada tahun 2016).
- d) Mewujudkan rangkaian persiaran parlimen 24 jam, yang tidak diubahsuai dan tanpa ulasan.
- e) Menetapkan hari bagi setiap sesi Parlimen untuk urusan Pembangkang.
- f) Yang Di Pertua hendaklah dipilih dalam kalangan Dewan Rakyat.

**4. Peruntukan Sumber Bagi Parlimen :** Bajet Parlimen sebelum ini tidak dapat menampung kemudahan penyelidikan yang mencukupi kepada Ahli-ahli Parlimen dan jauh lebih banyak peruntukan disalurkan kepada “pembangunan kawasan” Ahli Parlimen Kerajaan.

- a) Peruntukan hendaklah diberikan kepada setiap Ahli Parlimen dan Senator untuk mengambil pembantu penyelidik. Proses pengambilan pekerja ini harus dibuka untuk pemeriksaan awam dan harus ada jumlah tetap bagi setiap MP untuk mengupah pekerja.
- b) Jawatankuasa Parlimen perlu mengkaji reformasi Jabatan Penyelidikan Parlimen untuk memastikan kesaksamaan dalam membantu Ahli Parlimen dan pakar bagi membantu jawatankuasa parlimen.
- c) Penambahbaikan bahan penyelidikan Parlimen dan akses kepada maklumat mengenai prosiding Parlimen.
- d) Peruntukan pembangunan kawasan harus dihapuskan dan disalurkan kepada dana persekutuan untuk menyokong kos pejabat dan pentadbiran Ahli Parlimen. Jika dana pembangunan diperlukan, ianya harus diberikan kepada majlis-majlis kerajaan tempatan.

**5. Reformasi Dewan Negara :** Dewan Negara tetap tidak dipilih dan fungsi asasnya untuk menyediakan khidmat kepada negara dengan semakan ke atas kuasa Parlimen telah dilemahkan.

- a) Kerusi di Dewan Rakyat hendaklah diperuntukkan di antara negeri-negeri dan wilayah-wilayah persekutuan mengikut nisbah mereka kepada pengundi.
- b) Sistem pemilihan perwakilan yang seimbang mengikut senarai parti hendaklah diperkenalkan untuk Dewan Negara.
- c) Negeri-negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah memegang sekurang-kurangnya satu pertiga daripada kerusi Senator.

### **Kesimpulan**

GCPP yakin bahawa perincian reformasi dalam cadangan tersebut, dengan pengecualian kepada reformasi Dewan Negara, akan dapat dicapai dengan mudah melalui pindaan-pindaan Jawatankuasa Tetap dan peruntukan yang sewajarnya dalam bajet persekutuan. Selain itu, pengenalan semula Akta Perkhidmatan Parlimen memerlukan majoriti mudah dalam Parlimen. Hanya reformasi Dewan Negara akan melalui proses jangka masa panjang dan memerlukan pindaan-pindaan Perlembagaan.